

Headline **WiWi kurangkan kos pemasangan jalur lebar**
 Date **20 Aug 2009**
 MediaTitle **Berita Harian**
 Section **Ekonomi**
 Journalist **N/A**
 Frequency **Daily**
 ADValue **14,658**

Language **Malay**
 Page No **24,25**
 Article Size **691 cm²**
 Color **Full Color**
 PRValue **43,973**



WiWi kurangkan kos pemasangan jalur lebar

Platform teknologi dihasilkan Mimos membolehkan sambungan rangkaian tanpa memerlukan 'last mile'

TEKNOLOGI
 Oleh Shahrian Salan
 shahrian@berita-harian.com.my

STILAH 'last mile' dalam teknologi komunikasi merujuk kepada peringkat akhir menghantar sambungan daripada penyedia perkhidmatan kepada pelanggan, kebiasaannya dalam industri telekomunikasi mudah alih atau televisyen kabel. Dalam industri mudah alih, sambungan 'last mile' biasanya merujuk kepada sambungan rangkaian antara rumah atau pejabat pengguna dengan 'node' terdekat yang dimiliki oleh penyedia perkhidmatan internet.

Memandangkan sambungan 'last mile' dilihat agak kompleks dalam menyediakan sambungan mudah alih yang stabil dan pantas, satu teknologi yang dicipta di negara ini dilihat dapat memberikan penyelesaian tanpa wayar bagi penggunaan internet di 'hotspot'.

Teknologi WiWi, iaitu hibrid

antara penyelesaian WiMax dan WiFi yang dibangunkan oleh Mimos Bhd pada 2007 membolehkan sambungan dalam rangkaian tidak memerlukan 'last mile'.

Platform Teknologi WiWi, penyelesaian hibrid WiMax dan WiFi pertama seumpamanya di dunia yang beroperasi menggunakan frekuensi 2.3 GHz dan direka sebagai alternatif kepada sambungan jalur lebar 'last mile' kuali sedia untuk dikomersialkan ke seluruh negara.

Pengkomersialan platform berkenaan dijangka dapat membantu menyokong ekosistem jalur lebar di Malaysia, sekali gus mempervepakan penembusan penggunaan internet di kalangan rakyat tempatan.

Baru-baru ini, Mimos memenangi perjanjian dengan tiga pengendali WiMax iaitu RCDone International Bhd, Packet One Networks (Malaysia) Sdn Bhd (P1) dan Asiapace Sdn Bhd bagi tujuan penggunaan Platform Teknologi WiWi di tapak selia ada tiga syarat berkenaan.

Mimos dan ketiga-tiga syarikat tersebut juga bersetuju untuk mempromosikan potensi



teknologi jalur lebar dalam transformasi kehidupan masyarakat, sejajar dengan visi jalur lebar yang ditetapkan kerajaan.

Presiden dan Ketua Eksekutif Mimos, Datuk Abdul Wahab Abdullah, berkata pengkomersialan Platform Teknologi WiWi adalah selaras dengan tumpuan semasa pihaknya ke atas proses pemindahan teknologi yang disasar mampu melonjakkan industri jalur lebar tempatan ke pasaran global.

"Penerimaan awal terhadap

sasaran jalur lebar kebangsaan iaitu 50 peratus penembusan isi rumah menjelang akhir tahun depan.

"Teknologi ini yang direka bentuk sebagai alternatif kepada sambungan 'last mile' berfungsi secara pasif dan guna, mesra alam sekitar dan menjadi penyelesaian ideal yang lebih murah kepada pengguna," katanya.

Abdul Wahab berkata, Platform Teknologi WiWi boleh terus dinajikan menjadi aplikasi bagi kegunaan sambungan internet jalur lebar dalam persekitaran komuniti atau di kawasan pedalaman.

Katanya, dengan akses data protokol internet versi 6 (IPv6), ia boleh menyediakan pangkalan lebih murah menerusi Pangkalan Ke Atas Protokol Internet (VoIP) serta perkhidmatan televisyen IP (IPTV) berkualiti tinggi dan cekap.

Beliau berkata, Platform Teknologi WiWi mempunyai reka bentuk rangkaian akses kapasiti tinggi yang menawarkan rangkaian hibrid untuk menolong sebarang sambungan WiMax atau teknologi lain seperti ADSL, WiFi dan HSDPA.

Abdul Wahab menambah, pendekatan unik ini membolehkan penyedia perkhidmatan memperoleh pengurangan ketara dalam perbelanjaan operasi dan modal sambil mengemukakan kebolehpasaran tanpa berkompromi terhadap prestasinya.

"Justeru, penyepadu sistem tempatan mampu menawarkan perkhidmatan jalur lebar kepada pelanggan dan segmen enterpris seperti hotel, universiti, 'hotspot' dan pusat konvensyen," katanya.

Sehingga kini, 283 paten telah dipatenkan di Mimos, yang mana tiga adalah untuk Platform Teknologi WiWi.

Baru-baru ini, WiWi merangkul Anugerah Reka Bentuk Terbaik Malaysia 2009 bagi kualiti terbaik dalam kategori produk elektronik rumah dan media.

Mimos berperanan membantu pelbagai industri meningkatkan daya saing dengan meminimumkan kos penyelidikan dan pembangunan (R&D) menerusi pemindahan dan pembangunan platform teknologi.

ABDUL Wahab menyampaikan WiWi access point kepada Timbalan Menteri Teknologi dan Inovasi, Fadilah Yusof sambil diperhatikan Pengerusi Mimos, Datuk Suriah Abdul Rahman pada majlis pelancaran Mimos WiWi Technology Platform baru-baru ini.